

**GARIS PANDUAN
PENGANJURAN PROGRAM DAN MAJLIS BERUNSUR HIBURAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Garis Panduan Penganjuran Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ini disediakan untuk memberi panduan kepada pihak terlibat dalam penganjuran program dan majlis berunsur hiburan Universiti.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam persidangan pada 12-13 Mei 1981 telah membuat keputusan berikut:

- a) Nyanyian yang senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadap dan tidak mendorong maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan tidak membawa fitnah adalah harus;
- b) Jika nyanyian yang senikatanya tidak baik, lucah, biadap dan mendorong kepada maksiat, bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan membawa fitnah adalah haram;
- c) Pancaragam yang melalaikan hukumnya adalah haram;

Lampiran 1

- d) Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat senikatanya baik, tidak lucah, tidak biadap, tidak bercampur lelaki dengan perempuan dalam keadaan yang menimbulkan fitnah;
- 2.2 Garis Panduan Hiburan dalam Islam Edisi Pertama telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berdasarkan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 12 April 2005. Garis Panduan ini telah menjadi asas kepada pelaksanaan hiburan di Malaysia dan ditambah baik pada 2015 untuk cetakan Edisi Kedua.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, UTHM telah membangunkan satu Garis Panduan Penganjuran Program dan Majlis Berunsur Hiburan dalam Universiti, walau bagaimana pun ia perlu ditambah baik mengikut keperluan semasa bagi menjaga kemaslahatan dan keharmonian warga UTHM dan masyarakat setempat selain daripada menambah baik, garis panduan sedia ada mengambil kira aspek patuh syariah.
- 2.4 Penyediaan Garis Panduan Penganjuran Program dan Majlis Berunsur Hiburan yang berlandaskan patuh syariah adalah selaras dengan penghayatan nilai Paradigma Tauhid yang terkandung dalam misi dan Falsafah Pendidikan UTHM.

3.0 DEFINISI

“hiburan” ertinya sesuatu perbuatan, benda untuk menghiburkan, menyenangkan atau mententeramkan hati (Kamus Dewan);

“majlis Universiti” ertinya semua majlis rasmi yang dianjurkan oleh pihak Universiti atau pihak yang berkaitan dengan Universiti;

“**muzik**” ertinya gabungan bunyi untuk memperoleh keindahan bentuk dan pernyataan perasaan (Kamus Dewan);

“**lirik**” ertinya puisi yg menggambarkan perasaan; seni kata lagu (Kamus Dewan);

“**nyanyian**” ertinya gubahan muzik yang dilakukan dengan suara (Kamus Dewan);

“**patuh syariah**” ertinya selari dengan kehendak Islam;

“**program**” ertinya aktiviti sama ada berbentuk formal atau tidak formal yang dianjurkan oleh pihak Universiti atau pihak yang berkaitan dengan Universiti; dan

“**tarian**” ertinya Gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik (Kamus Dewan);

“**Universiti**” ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

4.0 KONSEP HIBURAN DAN KEBUDAYAAN

4.1 Konsep hiburan dan Kebudayaan UTHM adalah berasaskan nilai Paradigma Tauhid yang terkandung dalam misi dan Falsafah Pendidikan UTHM. Ia menjadi unsur-unsur penting dalam pembentukan kebudayaan UTHM. Ia bersesuaian dengan tarafnya sebagai Pusat Intelektual dan Kecemerlangan Ilmu yang sewajarnya mempunyai masyarakat atau golongan masyarakat yang berilmu, beretika dan mencerminkan keintelektualan serta mempunyai kepekaan sosial.

Lampiran 1

- 4.2 Menerusi konsep di atas, maka kegiatan hiburan dan kebudayaan yang dilaksanakan di UTHM hendaklah berlandaskan:
- a) Kesesuaian Agama Islam yang menjadi asas yang penting dalam pembentukan hiburan dan kebudayaan Universiti;
 - b) Berasaskan kepada adab dan nilai-nilai murni dalam hiburan dan kebudayaan mengikut norma ketimuran; serta
 - c) Mengandungi unsur-unsur hiburan dan kebudayaan lain yang bersesuaian dan difikirkan wajar yang boleh diterima dalam budaya dan adat resam.
- 4.3 Aktiviti hiburan dan Kebudayaan UTHM hendaklah ditakrifkan sebagai:
- a) **Berkonsepkan Pendidikan**
- i) Ianya hendaklah berperanan untuk mendidik khususnya para pelajar ke arah mencapai matlamat Misi Universiti iaitu untuk **“Menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berdasarkan paradigma tauhid”** dan falsafah pendidikan UTHM iaitu **“Pendidikan dan latihan UTHM berteraskan paradigma tauhid bagi menghasilkan graduan kompeten, profesional dan berdaya keusahawanan dipacu teknologi termaju untuk pembangunan sejagat”**
 - ii) Bimbingan ke arah aspek perkembangan intelektual semasa dan perkongsian ilmu pengetahuan daripada sebuah institusi pengajian tinggi boleh disebarluaskan dan dikongsikan dengan pelbagai cara dengan penuh hikmah termasuklah dalam bentuk hiburan dan kebudayaan. Konsep penerapan ilmu dengan

kaedah ini adalah sebagai salah satu platform alternatif perkongsian ilmu pengetahuan secara menyeluruh dan bersepadu yang dapat membentuk sahsiah warga universiti dan masyarakat sekitar.

b) Kreativiti Hiburan

- i) Aktiviti hiburan dan kebudayaan bukan semata-mata persembahan nyanyian dan tarian sahaja, namun ia boleh dipelbagai dalam bentuk deklamasi sajak, syair, pantun, gurindam, syaran, persembahan pentomen, teater, lakonan, perkongsian ilmu dan pengalaman, forum, bual bicara, persembahan seni mempertahankan diri dan pelbagai lagi persembahan pentas yang mempunyai nilai intelek dan bukan semata-mata hiburan untuk keseronokan.
- ii) Warga universiti dan sekitar adalah golongan yang sentiasa peka terhadap perkembangan intelek dan sentiasa berupaya mengilhamkan sesuatu yang unik dan kreatif bersesuaian dengan norma keilmuan. Justeru itu, daya kecerdasan akal boleh disalurkan melalui aktiviti hiburan dan kebudayaan yang penuh dengan kesederhanaan.

5. PENGANJURAN PROGRAM

5.1 Program Hiburan

Program hiburan yang bermatlamatkan kebaikan umat Islam dan masyarakat setempat adalah digalakkan. Penganjur perlu memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

Lampiran 1

- i. Mengambil kira masa yang bersesuaian dengan mengutamakan waktu solat dan memberhentikan program atau majlis yang sedang dijalankan ketika laungan azan sedang berkumandang;
- ii. Menjaga dan memelihara sensitiviti masyarakat setempat dan ajaran Islam.
- iii. Tidak disertai oleh perbuatan-perbuatan haram atau maksiat seperti berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan yang boleh menimbulkan fitnah.
- iv. Tidak mengandungi acara yang bersifat provokasi yang boleh menimbulkan sikap prejedis atau permusuhan.
- v. Tidak mengandungi unsur-unsur khurafat, pemujaan atau penyembahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- vi. Pengasingan tempat duduk peserta/penonton bagi lelaki dan perempuan hendaklah disediakan oleh pihak pengajur. Pengasingan boleh dilaksanakan dengan membahagikan penonton kepada 3 bahagian iaitu lelaki, wanita dan keluarga.
- vii. Ruang yang digunakan perlu mempunyai pencahayaan yang mencukupi dan tidak gelap sehingga boleh mengundang fitnah.
- viii. Setiap persembahan hendaklah tidak melanggar tata tertib dan kemoralan masyarakat setempat.
- ix. Program persembahan pada waktu malam hendaklah dimulakan sekurang-kurangnya setelah 15 minit azan solat Isyak berkumandang.

5.2 Persembahan Muzik

- i. Tidak menimbulkan gerak geri dan perilaku yang tidak senonoh dan liar.
- ii. Tidak mendorong kepada perbuatan maksiat.
- iii. Hendaklah berhenti 15 minit sebelum azan berkumandang dan 15 minit selepas selesai azan dilaungkan.
- iv. Tidak dibenarkan menghasilkan atau memperdengarkan bunyian muzik yang terlampau kuat sehingga mengganggu ketenteraman masyarakat Universiti dan sekitarnya.
- v. Tidak menggunakan muzik yang telah **diharamkan** dan **melalaikan** dalam Islam seperti *Blackmetal*, *Heavymetal*, *Protometal*, *Doommetal*, *Powermetal*, *Speedmetal*, *Trashmetal*, *Deathmetal*, *Progressivemetal*, *Underground* dan lain-lain.

5.3 Lirik

- i. Lirik dalam pelbagai bahasa mestilah mengandungi unsur-unsur kerohanian, motivasi dan kemanusian.
- ii. Tidak mengandungi ungkapan, lirik atau perkataan yang melanggar akidah dan syariat Islam.
- iii. **Tidak boleh** menjadikan teks al-Quran sebagai lirik lagu.

Lampiran 1

- iv. Tidak mengandungi lirik atau perkataan yang boleh membangkitkan nafsu syahwat, perkataan lucah, menggambarkan arak, keganasan dan menggalakkan untuk melakukan dosa.
- v. Tidak mengandungi unsur-unsur pemujaan kepada makhluk dan peribadi manusia.
- vi. Tidak mengandungi unsur-unsur perbalahan, keganasan dan perkauman.

5.4 Persembahan Artis

Kriteria artis jemputan hendaklah seperti berikut:

- i. Pemilihan artis bukan dalam kalangan artis yang mempunyai kontroversi daripada aspek tingkah laku, pemakaian, akhlak, moral, ideologi dan pemikiran.
- ii. Artis jemputan hendaklah berinteraksi dengan penonton secara sopan dan disertai kata-kata yang boleh membina motivasi dan nilai murni.
- iii. Berpakaian kemas, menutup aurat serta tidak memakai pakaian yang boleh menimbulkan kesan negatif.
- iv. Tidak melakukan gerak geri dan perkataan yang boleh menimbulkan fitnah dan maksiat serta menghina Islam.
- v. Tidak membuat aksi dan isyarat lucah, penyembahan yang memesong akidah serta biadap semasa persembahan berlangsung seperti membuka pakaian, “body shaming”, mempamerkan simbol atau lambang yang diharamkan.

6. PROSES PEMATUHAN PROGRAM / MAJLIS BERUNSUR HIBURAN

- 6.1 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang ingin menganjurkan sesuatu program / majlis seperti termaktub dalam perkara 5.0, **perlu** mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penasihat Syariah Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti.
- 6.2 Jawatankuasa Penasihat Syariah Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti **hendaklah melaporkan** kepada Naib Canselor sekiranya terdapat mana-mana peraturan di dalam garis panduan yang **tidak dipatuhi** dalam sesebuah program atau majlis.
- 6.3 Jawatankuasa Penasihat Syariah Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti ini diketuai oleh satu (01) orang Pengerusi dan enam (06) orang ahli yang dilantik oleh Naib Canselor UTHM.
- 6.4 Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti ini adalah mereka yang memegang jawatan Pengarah Pusat Islam (PI) **atau** Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ).
- 6.5 Keahlian Jawatankuasa Penasihat Syariah Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti adalah dilantik dari kalangan mereka yang **mempunyai kepakaran dan pengetahuan** dalam bidang berkaitan mengikut keperluan.
- 6.6 Carta alir proses kelulusan kelulusan program / majlis berunsur hiburan adalah seperti **LAMPIRAN A**.

7. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan;

- i) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor 2015;
- ii) Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam;
- iii) Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam; dan
- iv) Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah wal Jamaah.

8. PENUTUP

Garis Panduan ini diharap dapat memberikan panduan kepada pihak pengajur yang sewajarnya dalam melaksanakan program dan majlis berunsur hiburan di dalam Universiti.


RUJUKAN

- i) Garis Panduan Hiburan dalam Islam Edisi Kedua (2014) terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- ii) Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 12 April 2005;
- v) Pusat Rujukan Persuratan Melayu Pusat Rujukan Persuratan Melayu @PRPM (dbp.gov.my);
- vi) Jawatankuasa Fatwa Negeri iaitu Johor, Melaka, Selangor dan Wilayah Persekutuan; dan
- vii) Garis Panduan Aktiviti Hiburan (Konsert) di Institusi Pendidikan Tinggi bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

LAMPIRAN A

CARTA ALIR

**PROSES PEMATUHAN GARIS PANDUAN
PENGANJURAN PROGRAM DAN MAJLIS BERUNSUR HIBURAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**



**PETIKAN MINIT MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BIL. 1/2024 (KALI KE-102)**

TARIKH : 14 JANUARI 2024 (AHAD)
MASA : 10.00 PAGI HINGGA 5.30 PETANG
TEMPAT : THE VIEW ON ELEVEN, LEVEL 11,
ROYALE CHULAN THE CURVE,
MUTIARA DAMANSARA,
PETALING JAYA

8.17 GARIS PANDUAN PENGANJURAN PROGRAM DAN MAJLIS BERUNSUR HIBURAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
Kertas Kerja Bil. L1/2024/17– Kelulusan

- a) Mesyuarat dimaklumkan mengenai Garis Panduan Penganjuran Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, selaras dengan penghayatan nilai Paradigma Tauhid yang terkandung dalam misi dan Falsafah Pendidikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Garis panduan yang disediakan ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak terlibat dalam penganjuran program dan majlis berunsur hiburan di Universiti.

Tindakan : Makluman

- b) Mesyuarat **bersetuju meluluskan** Garis Panduan Penganjuran Program dan Majlis Berunsur Hiburan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, berlandaskan kepada beberapa ketetapan berikut:
- i. Kesesuaian Agama Islam yang menjadi asas yang penting dalam pembentukan hiburan dan kebudayaan Universiti;
 - ii. Berasaskan kepada adab dan nilai-nilai murni dalam hiburan dan kebudayaan mengikut norma ketimuran; serta
 - iii. Mengandungi unsur-unsur hiburan dan kebudayaan lain yang bersesuaian dan difikirkan wajar yang boleh diterima dalam budaya dan adat resam.

Universiti diminta untuk membuat semakan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi mendapatkan garis panduan terkini berkaitan hiburan dalam Islam selain daripada Garis Panduan Hiburan Dalam Islam Edisi Pertama (2015) yang telah dirujuk sebelum ini.



**Tindakan : TNC (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) /
Pengarah Pusat Islam**

SHEREEN SABRINA BINTI ABD SHUKOR

Pengarah Bahagian Pengurusan Organisasi

Merangkap Sekretariat Lembaga Pengarah Universiti
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia